

LAJNAH AHLI HADIS INDONESIA

“Lajnah Jam‘iyyat Ahli Hadis Indonesia” menurut setiausahanya Kiyai Ḥāji Manūr Khalīl, telah didirikan di Sulu pada 14 tahun yang lalu. Lajnah ini diketuai oleh Kiyai Ḥāji Imām Ghazālī, manakala al-Marhum Kiyai Ḥāji Mas Manšūr dan Kiyai Hassan Bandung telah dipilih menjadi penasihatnya. Tujuannya lajnah ini dibentuk dan syarat-syarat dan melayakkan seseorang menjadi ahlinya telah ditulis oleh setiausahanya di dalam” Aliran Islam” dan hasilnya kita perturunkan di bawah ini:

Meskipun Pertubuhan Islam Indonesia telah ada

“Majlis Ulama” masing-masing seperti Muhammadiyah dengan “Majlis Tarjihnya..” Persatuan Islam dengan” Majlis ulamanya. Dan Partai Sarekat Islam dengan “Majlis Tahkimnya” tetapi Lajnah ini adalah bertujuan membantu dan menguatkan asas tujuan baik majlis-majlis ulama yang telah sedia ada itu.

Selain daripada itu tujuan lajnah ini ialah hendak mencari perhubungan dengan ulama ahli-ahli Hadis di luar negeri seperti Mesir, Hijjaz, India dan Pakistan.

Dalam pada itu akan berusaha menggumpulkan kitab-kitab Hadis yang muktabar, kitab-kitab rijāl al-Hadis, kitab-kitab tafsir yang besar-besar, kitab-kitab tarikh yang masyhur. Dan lain-lain kitab yang selama ini belum pernah masuk di Indonesia atau yang masih jarang didapati di Indonesia.

Alim ulama yangtelah tampil bekerja menarik orang-orang Islam kembali kepada Quran dan Hadis, perlu mempunyai kitab-kitab hadis muktabar.

Perlu diketahui bahawa kitab-kitab hadis yang muktabar,

yang telah masuk di Indonesia dan telah dipunyai oleh kebanyakan ulama Islam, ialah Sahih Bukhārī dan Sahih Muslim.

Dan jarang sekali yang ada yang menyimpan kitab-kitab hadis seperti Sunan Abū Dāwud, Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā‘ī, Sunan Ibn Mājah dan Mūṭa’ Mālik. Demikian pula kitab-kitab musnad, seperti Musnad Aḥmad, Musnad al-Shāfi‘ī, Musnad Abū Ḥanīfah, Musnad ‘Alī al-Kāzim, dan Musnad al-Dāramī. (Menurut istilah ahli hadis. Musnad al-Dāramī ini termasuk dalam jumlah kitab-kitab al-Sunan).

Seorang alim yang berseru dan mengajak umat Islam supaya kembali kepada Qur`n dan sunah Nabi, tidak cukup kalau senya mempunyai kitab-kitab hadis sahih Bukhārī dan sahih Muslim sahaja; tetapi sekurang-kurangnya harus mempunyai Sunan Abū Dāwud, Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā‘ī, Sunan Ibn Mājah, Sunan al-Dāramī, Mūṭa’ Mālik dan Musnad Aḥmad.

Selain itu, lebih baik pula kalau ada mempunyai kitab “al-‘Um” karangan Imam Shāfi‘ī dan musnadnya. Dan seharusnya pula mempunyai kitab-kitab rijāl al-hadis.

Sekalipun hanya dua atau tiga maca, iaitu gunanya

menjadi alat menyelidiki rāwī-rāwī hadis yang kuat dan yang lemah, yang dikenal dan yang tidak, yang pendusta dan pembohong.

Alim ulama Indonesia yang suka memperdalam dan memperluas pengetahuannya dalam ilmu hadis, maka lujnah itu memandang bahwa kitab-kitab hadis yang muktabar yang perlu dicari dan dipunyai ialah kitab-kitab: Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥabān, Mustadrak al-Ḥākim, al-Muntaqā Ibn Jārūd, Sahih Ibn al-Sakan, al-Muntaqā Ibn Asbagh, Musnad al-Bazār, Musnad Abī Bakr Ibn Abī Shaybah, Musnad ‘Uthmān Ibn Abī Shaybah, Musnad Ibn Rāhūyah, Musnad al-Ṭiyālīsī, Sunan al-Dārqaṭnī, Sunan al-Bayhaqī, dan Musnad Zayd bin ‘Alī.

Syarat menjadi ahli lajnah

Syarat menjadi anggota “Lajnah Jam‘iyah Ahli Hadis Indonesia” adalah seperti di bawah ini:

1- Sekurang-sekurangnya telah ada mempunyai kitab: Ṣaḥīḥ Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Abū Dāwud, Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā‘ī, Sunan Ibn Mājah, Sunan al-Dāramī, Muṭa‘ Mālik, Musnad Aḥmad, Musnad al-Shāfi‘ī, Musnad Abū Ḥanīfah, dan Musnad ‘Alī al-Kāzīm.

2- Mempunyai kitab rijāl hadis, sekalipun hanya satu dua macam; dan pula telah mengerti tentang ilmu muṣṭalīh hadis, ilmu uṣul fiqh. Meskipun belum begitu dalam.

Sesuatu masalah yang hendak dibahas hukumnya dengan berpandukan hadis Nabi, tidaklah memadai kalau hanya si pembahasa itu berpandukan kepada kitab “*Balūgh al-Marām*” dan syarahan “*Sablu al-Islām*”. Atau pun kitab “*al-Muntaqā*” dan syarahan “*Nīl al-Awṭār*” dan sebagainya dengan tidak bermuraja’ah kepada kitab-kitab hadis yang menjadi ibu.

Hartawan-hartawan Islam Dipinta Menyokong

Pada waktu ini pihak lajnah telah menghimpunkan hadis-hadis yang mengenai perkara nikah, talaq dan segala yang bersangkutan paut dengan hukum perkahwinan dan

perceraian. Semuanya lebih dari seribu hadis dan riwayat, dengan disusun bab-babnya, dan telah diterjemahkan dengan Bahasa Indonesia serta keterangan secukupnya. Usaha-usaha yang seperti ini sudah tentu berkehendak kepada sokongan hartawan-hartawan Islam supaya dapat dicitai dan disiarkan kepada ramai.

Di antara rancangan yang telah diatur oleh lajnah semenjak ditubuhkan dahulu ialah menyusun kitab “feqah” yang besar yang didasarkan atas hadis-hadis Nabi (SAW). Dengan dinamakan “*al-Fiqh al-Nabawī*”. Rancangan ini sudahpun dimulakan.

Pada bulan Jun yang lalu, lajnah ahli hadis Indonesia telah menerima sebuah peti kitab-kitab hadiah dari Raja Saudi Arabia. Menurut kedutaan Saudi di Jakarta bahwa hadiah itu ialah hantaran yang pertama yang lainnya akan tiba lagi.

Sambungan dari muka 14

lenyap dirampas kembali!!

Rancangan yang tidak disertai roh akhlak yang hidup adalah mudah dipertukar dan diperjual beli!!! Segala-galanya kita menghendaki roh, kita menghendaki akhlak, dan sebenarnya dengan roh itulah sesuatu itu akan hidup!

Berjuanglah, tetapi roh jangan ditinggal.

Bergeraklah, tetapi akhlak jangan dilempar,

Berlarilah sekuat-kuat. Sekencang-kencang hati mendukung cita-cita hidup agama, bangsa dan persada ini dengan iman, amal dan taqwa- baharu disinilah akan berjaya membawa rakyat xxxx kepada kejayaan hakiki yang kita idami....!

“Kecewalah dan rugilah seorang hamba yang Allah Ta‘ālā tidak jadikan dalam hatinya belas kasihan kepada manusia”
-Maksud Hadis al-Sharīf.